

2. PERMOHONAN KELULUSAN UNTUK MENAWARKAN DAN MENJALANKAN PROGRAM DOKTOR FALSAFAH INDUSTRI DI INSTITUT PENDIDIKAN BERTERUSAN & PENGAJIAN PROFESIONAL (iCEPS), UiTM

Permohonan kelulusan untuk menawarkan dan menjalankan program Doktor Falsafah Industri (*Industrial PhD*) telah diluluskan di peringkat Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) iCEPS Bil. 70/2021 pada 14 Disember 2021. Permohonan program ini telah diserahkan kepada Timbalan Pendaftar Kanan, Dr. Wan Ismahanini Binti Ismail untuk di bawa ke mesyuarat bagi memohon kelulusan di peringkat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) pada 22 Disember 2021. Secara ringkas, Doktor Falsafah Industri atau *Industrial PhD* adalah alternatif kepada program PhD konvensional bertujuan untuk menggalakkan perkongsian pengetahuan antara industri dan ahli akademik dalam melahirkan golongan profesional yang berpengetahuan tinggi.

